



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 16 SEPTEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	FARMER'S MARKETS BEGAN TO OPERATE IN STAGES, BERITA NASIONAL -TV1 PERKONGSIAN USAHAWAN PKS SABAH HADAPI CABARAN, MSN.COM -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
3. 4. 5. 6. 7.	DI SEBALIK NAMA 'PANAS' NIK MUHAMMAD ZAWAWI, HAKAH DAILY -ONLINE HARGA IKAN, HASIL LAUT MENINGKAT, LOKAL, HM -35 72 POKOK ANGGUR BERBUNGA LEBAT, DALAM NEGERI, UM -33 TARIK MINAT MASYARAKAT JAYAKAN TRANSFORMASI SEKTOR PERIKANAN, MINDA PEMBACA, BH -13 SOWING SEEDS FOR A BOUNTIFUL FUTURE, MALAYSIA DAY, THE STAR -8 & 9	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/9/2021	BERITA NASIONAL	TV1	

FARMER'S MARKETS BEGAN TO OPERATE IN STAGES



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/9/2021	MSN.COM	ONLINE	

Perkongsian usahawan PKS Sabah hadapi cabaran



seperti biasa dan ada yang terpaksa ditutup.

SEJAK pandemik melanda negara tahun lalu, ternyata memberikan kesan secara tidak langsung kepada kemerosotan fungsi ekonomi serta golongan peniaga di Sabah. Banyak sektor perniagaan di negeri ini terjejas.

Usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) turut menerima tempias apabila perniagaan mereka tidak dapat beroperasi

Meskipun sektor perniagaan mula mendapat kelonggaran ketika PKP Bersyarat (PKPB) dan PKP Pemulihan (PKPP) diperkenalkan, namun ia tetap menyukarkan sektor berkenaan melakukan perancangan jangka panjang.

Melihat kepada keadaan itu, FAMA mengambil inisiatif membantu usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Sabah supaya produk keluaran mereka memenuhi keperluan pasaran dan boleh diedarkan ke pasaran luar yang lebih luas.

Bantuan yang disalurkan membuka peluang kepada usahawan PKS melebarkan lagi sayap dalam perniagaan diceburi.

Seperti perniagaan Dodol dan Bahulu jenama [CIKBEN](#) turut terkesan sejak pandemik melanda negara tahun lalu.

Ditanya mengenai keunikan produk makanan jenamanya berbanding yang lain, beliau berkata bahawa produk mereka masih mengekalkan tradisi lama dengan menggunakan dapur arang yang jarang digunakan pada zaman moden ini.

"Kami memilih untuk menawarkan produk ini memandangkan semakin kurang individu yang berminat membuat dan membekalkan Dodol dan Bahulu yang dibakar menggunakan arang.

"Selain itu, produk saya menggunakan resepi asal dan bahan-bahan yang segar. Contohnya dodol hanya menggunakan santan segar dan beras pulut yang dijadikan tepung, bukannya menggunakan tepung pulut yang berada di pasaran.

"Kami juga menawarkan bahulu yang dibakar menggunakan dapur arang. Kebanyakan yang ada di pasaran bahulu yang menggunakan acuan elektrik," katanya.

Bagi pemilik [Family Cake House](#) yang mengusahakan perniagaan Kek dan Muffin di Kg Landung Ayang Kudat, Mardiana Abdul Wahab, 23, menyifatkan lokasi perniagaan strategik serta bimbingan yang disediakan oleh pihak FAMA membantunya untuk terus bertahan dalam perniagaan yang diusahakan kini.

Dalam pada itu dia turut memberi nasihat kepada peniaga di luar sana agar terus bersemangat untuk menempuh segala dugaan alam perniagaan.

"Percaya diri dan jangan mudah berputus asa dalam perniagaan. Apa paling penting terus melangkah ke hadapan tanpa toleh kebelakang." katanya

Sementara itu, Fazlina Jefry, pemilik syarikat [Lina Enterprise](#), berkata musim pandemik ini sangat mencabar bagi perniaga kecil sepertinya kerana kekurangan modal serta kesukaran bertemu pelanggan untuk mempromosikan produk.

"Walaupun begitu, saya tetap bersemangat meneruskan perniagaan ini melalui media sosial serta mengambil peluang mempromosikan produk keluaran saya di platform online yang disediakan," katanya

Produk utama keluaran syarikatnya adalah kerepek Prawn Finger yang mempunyai pelbagai jenis perisa, salah satunya adalah perisa udang yang ditaburi serbuk kari untuk menambahkan lagi keistimewaan kerepek Prawn Finger.

FAMA sedia pelbagai program dan kursus sejak pandemik



© Provided by Harian Metro Image *Keropok Lekor Krispy jenama BASTIN'S terus berada di pasaran dan mendapat permintaan tinggi setiap hari - FOTO FAMA*

Berdepan cabaran pandemik Covid-19 tentunya menguji perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk bangkit semula daripada kejatuhan akibat pandemik.

Namun bagi Juhilin binti Tutun, pemilik Sos Cili jenama K-lias dan Keropok Lekor Krispy jenama [BASTIN'S](#), pelbagai sokongan yang diberikan secara berterusan oleh FAMA nyata cukup melegakan lebih-lebih lagi

selepas syarikatnya mengalami kerugian besar kerana terpaksa membuang bahan mentah.

"Memikirkan cara pasaran agar sukar semasa pandemik, pihak syarikat mengubah strategi kepada strategi pemasaran dalam talian dan penghantaran produk terus kepada pelanggan.

"Pada masa yang sama pihak DIDR Sabah (Department of Industri and Development Research) memberi peluang produk sos cili K-lias dan Keropok Lekor Krispy jenama BASTIN'S untuk berada di pasaran Hypermarket," katanya

Bagi beliau sendiri, produknya terus mendapat permintaan yang tinggi di pasaran kerana keropok lekor jenama BASTIN'S lembut dan rangup walaupun digoreng selepas 10 jam.

Kini kedua-dua produk ini boleh didapati di kedai runcit, kedai industri kecil sederhana (IKS), Beaufort dan Ranau serta beberapa outlet Hypermarket Bataras di Sabah.

Manakala, Hasrah Malik, pemilik kerepek pisang jenama [Hafiszuddin](#) berkata, sebelum mendapatkan nasihat dan bimbingan FAMA, produknya hanya dapat dijual melalui pemborong sahaja.

"Cabaran pada waktu memulakan perniagaan adalah kerepek pisang sudah banyak berada di pasaran dan kami harus memastikan produk keluaran kami seiring dgn citarasa pelanggan." katanya

Namun berkat konsisten dan kualiti yang dihasilkan, kerepek pisang yang dihasilkan sudah dijual menerusi atas talian dan mendapat permintaan tinggi daripada pelanggan seluruh negeri.

FAMA dedah pengalaman dunia perniagaan semasa kepada peserta



© Provided by Harian Metro ImageDua
usahawan di bawah bimbingan FAMA bangga
apabila produk mereka kini dipasarkan lebih
meluas ke seluruh negeri di Malaysia. - FOTO
FAMA

Dalam pada itu, Rosmawati Sanda
pemilik perniagaan [Kerepek Mina](#) tidak sangka
langit disangka cerah akhirnya bertukar
mendung apabila perniagaan yang diusahakan jatuh selepas PKP diumumkan Mac tahun lalu.

"Pengalaman masa itu sangat menakutkan kerana kami baru berpindah ke kilang. Pada mulanya agar
sukar hingga menyebabkan syarikat kekurangan modal serta bahan mentah terpaksa dibuang kerana
produk tidak dapat dijual.

"Tambahan pula, kami hanya berniaga secara luar talian menyebabkan ramai pelanggan tidak dapat
merentas daerah untuk membeli", katanya.

Daripada situ, beliau mula belajar ilmu perniagaan menerusi kursus dan seminar dianjurkan pihak
FAMA sehingga dapat membesarkan lagi perniagaan mereka dari peringkat perkongsian hinggalah
ke syarikat berstatus sendirian berhad (Sdn Bhd).

Antara usahawan lain yang berkongsi kisah kejayaan mereka adalah Jarina Maskul, 40, bangga
apabila perniagaan mee kering syarikatnya kini mula mengorak langkah ke hadapan dan menjadi
pembekal [Mee Kering INAMEE](#) ke pasaraya terpilih setanding dengan produk syarikat besar lain.

Menurutnya, kemudahan Geran Agropreneur Muda (GAM) dan Program Geran Pemandanan (CUP) yg
disediakan oleh pihak Kementerian Pertanian dan Industri Makanan telah membantu meminimalkan
impak kewangan dalam menjalankan perniagaan terutama dalam tempoh pandemik kini.

Selain itu, pencapaian yang lebih membanggakan apabila perniagaannya miliknya mendapat
pengiktirafan daripada Jabatan Pertanian daerah Kunak sebagai "Petani Contoh" pada tahun 2018.

Usahawan Asimah Unting pemilik perniagaan [Shyma Enterprise](#) pula kongsi kisah berdepan dengan
pelbagai cabaran memasarkan produk kopi.

Katanya, jualan produk semakin berkurangan telah menyebabkan perniagaan tidak berjalan dengan
lancar.

Selain kekurangan modal untuk membeli bahan mentah, beliau juga akui kurang pengalaman dalam
mempromosikan jualan hinggalah terpanggil untuk menyertai program disediakan pihak FAMA.

Pihak FAMA membantu perniagaannya dari segi penyediaan pelekat jenama pada bungkusan produk
kopi, sekaligus membawa produk kopinya ke pasaran lebih luas.

Ditanya mengenai keistimewaan produk kopinya, Asimah Unting berkata produk kopinya
mempunyai rasa asli tanpa campuran dengan harga yang berpatutan.

"Kopi-kopi ini akan diproses dalam dua bentuk iaitu biji kopi dan serbuk ataupun uncang kopi. Kami
memilih menawarkan produk ini kerana produk ini kopi asli dengan aroma yg tersendiri serta harga
mampu milik."

Selain memberikan bimbingan dan menyediakan pelbagai program, pihak FAMA juga membantu usahawan PKS memasuki pasaran baru khususnya ke segmen pasaraya.

Antara program yang dijalankan oleh FAMA dalam membantu usahawan ialah penyediaan kursus secara online seperti Kursus Copywriting, Kursus Pemasaran Online Hands On Agrobazaar Online, platform jualan secara online bersama Shopee iaitu E-FAMAPlace, dan pelbagai lagi program yang dijalankan demi untuk memperkasakan usahawan Malaysia.

Malah, bantuan yang disalurkan ini berjaya membantu para usahawan dalam mempersiapkan diri serta produk masing-masing supaya ianya bersifat daya upaya, mampu bersaing dan inovatif dalam pasaran.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/9/2021	HARAKAH DAILY	ONLINE	

Di sebalik nama 'panas' Nik Muhammad Zawawi



Nama Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh sebelum ini sering muncul 'panas' di media-media massa tempatan berikutan ketelusan beliau dalam memperkatakan tentang pelbagai isu yang timbul di negara ini.

Kedudukan beliau sebagai Ketua Dewan Ulamak PAS (DUPP), Ahli Majlis Syura Ulamak PAS, Ahli Parlimen Pasir Puteh, Kelantan dan sebelum ini merupakan Pengerusi Lembaga Pertubuhan

Peladang (LPP) dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Besut, Terengganu menyebabkan namanya kerap muncul dalam media massa.

Latar belakang pendidikan anak kelahiran Gong Kala, Pasir Puteh, Kelantan yang juga seorang ahli perniagaan, yang dilahirkan pada 17 Mac 1967 ini ternyata bukan calang-calang.

Graduan ijazah Sarjana Muda Usuluddin (Tafsir) daripada Universiti Al-Azhar, Mesir pada tahun 1990 ini melanjutkan pengajian di peringkat ijazah Sarjana Aqidah dan Falsafah di Universiti Al Al-Bayt, Jordan.

Setelah memperoleh ijazah Sarjananya pada 1997, beliau kembali ke tanah air dan memanfaatkan ilmu yang telah dipelajarinya dengan berkhidmat sebagai pensyarah di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Kelantan dari 1998 hingga 1999.

Kecintaan beliau terhadap ilmu khususnya berkaitan agama Islam terbukti apabila berjaya memperoleh Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Dakwah dan Kepimpinan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Apabila beliau terpilih buat pertama kalinya dalam kabinet menteri, di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob sebagai Timbalan Menteri II di Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), *HarakahDaily* cuba menyelami keperibadian Nik Muhammad Zawawi di sebalik nama 'panas' beliau itu.

Ketika ditemui kru *HarakahDaily*, YUSMAN AWANG, SYAHIRAH SALLEH dan KAIROL ZULHAIDI di pejabatnya di Putrajaya, baru-baru ini, ternyata dari ketrampilan, pembawaan diri dan bual bicara yang berjaya menyirnakan pandangan yang bernas serta berfikiran ke hadapan, dengan berakar umbikan dan berpegang teguh kepada ajaran, amanah dan tuntutan Islam, terbukti beliau seorang tokoh ilmunan yang mampu diharapkan untuk menggalas dan merealisasikan harapan masa depan rakyat. Ikuti sedutan temu bual bersama beliau.

Terlebih dahulu *HarakahDaily* ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat (YB) kerana terpilih dalam jemaah kabinet di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob. Apakah perasaan YB sebaik sahaja dilantik sebagai Timbalan Menteri II di Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)?

Nik Muhammad Zawawi: Pertamanya, saya ingin menjelaskan bahawa dalam perjuangan Islam ini, kita semua memahami bahawa tugas dan tanggungjawab adalah suatu amanah yang besar. Ia bukan satu kemuliaan untuk seseorang.

Sebab, tugas dan tanggungjawab apabila Allah beri kepada kita, memang Allah tahu kita dapat menyempurnakan tugas itu dengan baik. Itu asasnya. Cuma kadangkala manusia mengkhianati tugas dan tanggungjawab yang telah diberikan.

Terpulang kepada manusia sama ada mahu atau tidak mahu menyahut apa yang Allah sudah taklifkan kepadanya.

Dan dalam konteks pelantikan saya sebagai Timbalan Menteri II di MAFI, bagi saya ada dua perkara. Pertama, saya dengan Allah sebagaimana saya sebut tadi, ini adalah suatu amanah besar yang Allah akan soal dan tanya selepas daripada mati.

Jawatan ini kalau tidak dikendalikan dengan baik, maka ia akan menjadi musuh kepada kita selepas kita mati.

Dan yang keduanya, dalam konteks kita dengan manusia. Apabila Perdana Menteri melantik saya, saya menerima (pelantikan itu) atas saranan daripada parti (PAS) yang mencadangkan supaya jawatan ini saya pegang. Dan saya pegang, insya-Allah.

Justeru, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih di atas kepercayaan yang diberikan oleh kepimpinan dalam parti terutamanya Presiden, Dato' Seri Tuan Guru Abdul Hadi Awang; Timbalan Presiden, Dato' Sri Tuan Ibrahim Tuan Man, dan Naib-Naib Presiden, Senator Idris Ahmad, Dato' Mohd Amar Abdullah dan Dato' Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar yang sepakat untuk menyerahkan amanah ini kepada saya sebagai wakil daripada PAS di MAFI.

Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana memberi kepercayaan kepada saya dan setinggi-tinggi junjung kasih kepada ke-bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang telah perkenankan cadangan yang telah diutarakan oleh Perdana Menteri.

Saya sedar akan tanggungjawab besar yang saya pikul ini. Tanggungjawab ini akan mengekang kita dengan waktunya, dengan apa untuk kita tunaikan tanggungjawab.

Sebab hidup kita ini kita lebih seronok kalau kita bebas. Mahu pergi ke sana dan ke sini kita bebas melakukannya tetapi apabila kita pegang jawatan, kita akan terikat dengan amanah.

Dari sudut lain, sudah tentu saya rasa gembira sebab meraih kepercayaan daripada Agong, pemimpin negara dan rakyat.



Mempunyai visi dan misi tersendiri, Nik Muhammad Zawawi sedar beliau kini menggalas tanggungjawab besar di Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

Selain jawatan di MAFI, YB menggalas tanggungjawab sebagai Ketua Dewan Ulamak PAS (DUPP), Ahli Majlis Syura Ulamak PAS, Ahli Parlimen Pasir Puteh Kelantan dan sebelum ini juga sebagai Presiden Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP). Boleh kongsi bagaimana

YB membahagikan masa untuk melunaskan tugas bagi kesemua jawatan tersebut?

Sebelum ini, saya pegang jawatan Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP). Namun bermula daripada hari saya angkat sumpah sebagai Timbalan Menteri II, saya telah meletakkan jawatan di LPP. Sebab LPP di bawah MAFI, jadi tak munasabah saya pegang kedua-dua jawatan tersebut.

Tidak seharusnya apabila seseorang itu apabila pegang jawatan di agensi kerajaan tetapi dalam masa yang sama, pegang juga jawatan dalam syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Cuma secara rasminya, saya di MAFI dan dalam parti PAS sebagai Ahli Parlimen Pasir Puteh dan sebagai Ketua Dewan Ulamak Pas serta Ahli Majlis Syura Ulamak PAS.

Insyallah, saya rasa saya mampu untuk menyempurnakan tugas-tugas dengan teratur dan sempurna.

Apakah misi dan visi YB untuk MAFI?

Misi dan visi untuk MAFI secara mudahnya, saya sebut bahawa program ataupun agenda kita adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang bukan sahaja dapat membekalkan makanan kepada rakyat dalam negara.

Bahkan kita mempunyai sasaran, walaupun ia memakan masa mungkin beberapa tahun lagi, kita ingin menjadikan Malaysia sebagai hab pengeluaran kepada negara dan juga sebagai negara pengekspor hasil tani keluaran negara.

Sebab itulah diperkenalkan sistem pertanian berteknologi tinggi dan kita mengharapkan kepada generasi muda agar menyahut seruan daripada pihak kerajaan.

Ini kerana pertanian moden ini dikhuatiri sukar untuk diterima oleh generasi lama, kalau individu yang berusia 60 tahun atau 70 tahun tidak ramai yang boleh menguasai teknologi moden pertanian seperti dron dan sebagainya.

Bagi menjadikan pertanian kepada berskala besar, yang terbaharu kita telah perkenalkan di Melaka. Ia merupakan kawasan pertanian yang akan diuruskan secara besar-besaran oleh kerajaan bersama-sama dengan agensi dan juga syarikat-syarikat swasta.

Insyallah, ia akan dikembangkan di Johor sebelum teknologi moden seumpama ini akan diperkenalkan di negeri-negeri pantai Timur seperti Kelantan dan Terengganu.

Ini adalah langkah permulaan untuk kita memastikan sasaran untuk mencukupkan bekalan makanan negara tercapai. Sebagaimana kita tahu, Perdana Menteri beri 100 hari untuk buktikan pencapaian awal, maka ini merupakan suatu sasaran buat saya bersama-sama Menteri MAFI, Dato' Seri Dr. Ronald Kiandee dan Timbalan Menteri I MAFI, Dato' Seri Ahmad Hamzah yang akan sama-sama berganding bahu.

Kita akan buktikan dalam masa 100 hari ini akan ada agenda besar baharu yang bakal diperkenalkan kepada rakyat dan akan memberi manfaat kepada negara kita.



Nik Muhammad Zawawi mahu mengubah persepsi umum bahawa bidang pertanian negara juga mampu melahirkan golongan jutawan setaraf sektor bisnes dan korporat.

YB ada mengeluarkan kenyataan sebelum ini mahu melihat lebih ramai anak muda berstatus jutawan muncul daripada bidang pertanian. Apakah langkah yang diusahakan MAFI ke arah itu?

Ya, ini adalah salah satu sebab untuk negara ini beralih kepada pertanian moden. Sekarang ini prosesnya, kita hendak perkenalkan pertanian sebagai suatu perniagaan dalam kehidupan manusia. Ini adalah salah satu daripada perniagaan yang membolehkan manusia menjadi jutawan.

Sebelum ini apabila kita sebut jutawan, kebanyakan orang hanya nampak sektor korporat, kontraktor mega, bisnes pasar raya besar atau kedai emas, baru boleh jadi jutawan.

Orang tak nampak, menanam padi atau tanam sayur pun boleh menjadi jutawan. Hari ini kita sudah buktikan melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP). Saya sudah dua tahun menjawat jawatan Pengerusi LPP. Kita telah melahirkan jutawan lada, jutawan sayur, jutawan fertigasi dan jutawan ternak lembu.

Alhamdulillah, dengan pertolongan daripada Allah. Mereka ini memang betul-betul jutawan, bukan sekadar pada nama tetapi ini kita telah isytiharkan mereka sebagai jutawan untuk galakkan orang lain menceburi bidang pertanian.

Jadi, ini adalah strategi yang kita bina di bawah MAFI. Alhamdulillah, kita akan capai sasaran sebagaimana Perdana Menteri mahukan daripada MAFI ini.

Selepas PAS berada dalam kabinet kerajaan, muncul golongan tertentu terutama netizen di media-media sosial tertentu yang sangat lantang mengkritik PAS kini tidak sama seperti ketika jadi pembangkang dahulu, khususnya dalam memperjuangkan tentang sesuatu isu berkaitan hukum-hakam Islam. Boleh YB komen?

Dalam konteks parti politik, apabila kita berada dalam sesebuah parti politik, kita akan berusaha utarakan sesuatu idea untuk dilaksanakan dalam kerajaan.

Kalau diberi satu jawatan yang besar begini (barisan jemaah kabinet) dalam kerajaan, sudah tentu kita akan bawa agenda daripada parti kita untuk dilaksanakan dalam negara demi kepentingan agama, bangsa dan negara.

Kalau kita berada dalam posisi sebagai pembangkang kita sekadar berteori.

Namun, apabila kita berada dalam kerajaan, ini adalah waktu untuk kita laksanakan apa yang selama ini kita perjuangkan dalam parti kita dan pelaksanaan ini kita akan buat secara berperingkat.

Kita tak buat sekaligus tetapi satu demi satu. Sebab itu, kepada semua di luar sana saya nasihatkan supaya bertenang.

Sebab kita tengok di luar sana, bila PAS masuk (kerajaan), semua akan bertanya apakah perkembangan isu itu dan isu ini (yang sebelum ini diperjuangkan PAS ketika berada dalam posisi pembangkang).



Anak kelahiran Kelantan ini berikrar akan terus berusaha melaksanakan tugas dan amanah yang telah diberikan kepada beliau demi kepentingan agama, bangsa dan negara.

Sebenarnya, mereka (pihak yang lantang bertanya dan mengkritik), tidak faham mana-mana parti politik pun seperti itu (mengambil pendekatan berbeza apabila berada dalam kerajaan berbanding sebagai pembangkang).

Sebagai contohnya, Rasulullah SAW sendiri pun ketika berhijrah ke Madinah untuk membela dan menegakkan dan syiar Islam kepada penduduk di sana, Allah tidak turunkan ayat al-Quran secara sekaligus.

Tapi Allah turunkan satu ayat al-Quran terlebih dahulu untuk Rasulullah SAW baca, hafaz dan laksanakan (sebar kepada penduduk Madinah), barulah Allah turunkan ayat al-Quran yang kedua dan proses itu berulang-ulang sehinggalah boleh diterima masyarakat Madinah, barulah ayat-ayat ketiga dan keempat dan seterusnya diturunkan.

Inilah yang disebut dalam Islam sebagai tadarus atau beransur-ansur, jadi apabila seseorang itu bila diberi amanah, maka kita dikehendaki beransur-ansur, satu persatu dilaksanakan.

Ini kerana dalam konteks negara ini kata kalau kita tengok, masyarakat majmuk ini adalah anugerah daripada Allah. Sama sebagaimana Madinah, masyarakatnya majmuk pelbagai bangsa dan agama yang ada di situ lebih daripada 40 jenis penganut agama, lebih banyak daripada Malaysia.

Alhamdulillah kita buat satu demi, barulah masyarakat di negara kita menerima kehadiran acuan daripada Islam sebagai agama daripada Allah, bukan daripada PAS bukan daripada UMNO, bukan Bersatu, tetapi daripada Allah.

Apa yang menjadi kewajipan kepada semua yang mengucapkan dua kalimah Syahadah adalah untuk bersama-sama dengan agenda daripada Allah.

Kita kena yakin bahawa semua yang dicipta oleh Allah akan terima pada akhirnya fitrah yang datang daripada Allah. **HARAKHADAILY 15/9/2021 >>>Ikuti laporan eksklusif lanjut dalam Harakah edisi cetak.<<<**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/9/2021	HARIAN METRO	LOKAL	35

Harga ikan, hasil laut meningkat

Marang: Belum reda isu kenaikan harga ayam di pasaran, harga ikan dan hasil laut pula didapati meningkat sekali gus menjejaskan pengguna di negeri ini.

Tinjauan di Pasar Wakaf Tapai, di sini, semalam mendapati harga ikan selayang dan ikan kembung masing-masing naik RM1 kepada RM10 serta RM18 sekilogram berbanding minggu lalu.

Manakala, harga sotong pula meningkat sehingga RM36 sekilogram berbanding RM30.

Peniaga, Anuar Zaini, 49,

berkata, harga ikan dan hasil laut sentiasa berubah dari semasa ke semasa terutama ketika musim tengkujuh ini.

"Harga jualan bergantung kepada bekalan ikan dan hasil laut, tetapi ia berbeza dengan trend kenaikan harga ayam. Jika ikan dan hasil laut banyak, harga jualan akan turun pada kadar yang sepatutnya.

"Tetapi jika bekalan berkurangan terutama pada musim tengkujuh, harga jualan ikan dan hasil laut lain akan melambung," katanya.

Peniaga lain Shahrizal

Zulkifli, 21, berkata, dia tidak mengambil terlalu banyak stok jualan kerana bimbang tidak laku.

"Barang basah seperti ikan tidak tahan lama, jika diambil banyak untuk jualan semula, saya bimbang ia tidak laku dan rosak.

"Sekarang semua ikan naik harga dan terbaru ikan aya kurik juga naik daripada RM7 meningkat kepada RM9," katanya.

Katanya, kenaikan harga ikan di pasaran bukan sahaja menjejaskan pengguna, tetapi turut memberi tekanan kepada peniaga.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/9/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	33

72 pokok anggur berbunga lebat

Okeh MOHAMAD HAFIZI MOHD. SAID
 utusannews@mediamula.com.my

TANJUNG MALIM: Usaha seorang jurutera awam menanam 72 pokok anggur pelbagai jenis di dalam rumah pelindung hujan mula membuahkan hasil apabila semua pokok mula mengeluarkan bunga yang lebat.

Hishamuddin Othman, 56, berkata, anggur berkenaan ditanam menggunakan benih yang diimport dari luar negara antaranya dari jenis Lorano, Faith, Dixon, Jupiter, Baikunor dan Catalonia.

Menurutnya, dia menanam pokok anggur pada pertengahan Februari lalu menggunakan kaedah tanam di dalam rumah pelindung hujan bagi memudahkan penjagaan dan menggunakan teknik tanam fertigasi.

"Saya melakukan cantasan dahan dan daun pada pertengahan bulan Ogos lalu bagi memastikan pokok anggur berbunga lebat sebelum berbuah.



HISHAMUDDIN Othman memeriksa pokok anggur yang berbunga lebat di Muallim Hortigard and Nursery yang diusahakannya di Muallim dekat Tanjung Malim. - UTUSAN/MOHAMAD HAFIZI MOHD SAID

"Ternyata ia berhasil apabila kini semua pokok anggur yang saya tanam mula berbunga dan saya menjangka mengeluarkan hasil pada awal Disember ini," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini.

Pokok anggur yang ditanam di dalam rumah pelindung hujan di Muallim Hortigard and Nursery ditanam secara sistematik dan teratur serta memudahkan orang ramai melihat pokok berkenaan. Hishamuddin yang mem-

punyai kelulusan dari Universiti Of Brighton, United Kingdom berkata, kaedah menanam pokok anggur di dalam rumah pelindung hujan mengurangkan risiko serangan makhluk perosak.



Anggur berkenaan ditanam menggunakan benih yang diimport dari luar negara...

HISHAMUDDIN OTHMAN

Katanya, cara itu juga mengelak pokok anggur daripada terkena air hujan yang boleh merosakkan pokok dan membantutkan tumbesannya.

"Pada awalnya, ada yang meragui usaha saya ini disebabkan iklim negara kita yang panas dan hujan sepanjang tahun.

"Tetapi, sebenarnya pokok anggur yang ditanam di negara ini boleh berbuah jika kita menggunakan teknik dan kaedah tanaman yang sesuai dengan iklim negara ini," katanya.

Tarik minat masyarakat jayakan transformasi sektor pertanian

Kamaruzzamri
Mohamad,
Iktan Nasional

Situasi pandemik dalam negara semakin positif dan peluang ini perlu direbut pemain sektor pertanian bagi memastikan rantaian makanan terus berkembang.

Sudah sampai masanya pengeluaran makanan dibangunkan sebagai sektor moden berkeknologi tinggi, berdaya saing dan komersial. Namun, kedudukan Malaysia sebagai pengeluar padi dan beras sebagai makanan ruji negara kini perlu disemak semula.

Malaysia hanya memenuhi 70 peratus keperluan berbanding sasaran tahap sara diri (SSL) 75 peratus. Baki kekurangan masih diimport dari pelbagai sumber. Ia tidak boleh dipandang selesa kerana banyak perkara perlu ditambah baik.

Pada awal 2021, kita dilejutkan kejatuhan harga cili sehingga terdapat sebilangan kecil petani giling tikar akibat tidak mampu menampung kos operasi. Penurunan harga mendedak disebabkan manipulasi orang tengah.

Persoalannya di manakah peranan agensi berkaitan dengan pertanian supaya kejadian ini tidak berlaku lagi?

Banyak perlu diberi perhatian pemegang taruh, seperti kebolegunaan tanah pertanian, pengurusan tanah pertanian, kualiti benih dan baja, serangan perosak dan penyakit, kekurangan sumber air, usia majoriti petani, pesawah dan peladang, isu dalam pelaksanaan subsidi dan insentif kerajaan, masalah kekurangan data serta isu lain, termasuk kos pengeluaran pada peringkat rantaian pengeluaran.

Pihak bertanggungjawab wajib meneliti kembali Dasar Agromakanan Negara (2011-2020) sebelum beralih ke Dasar Agromakanan Negara 2.0 (2021-2030). Berdasarkan prestasi semasa, sektor agromakanan hanya mencapai pertumbuhan 3.1 peratus berbanding sasaran 5.4 peratus ditetapkan.

Penggunaan teknologi tinggi seperti dron, sistem pertanian pintar, kecerdasan buatan (AI) dan sistem data raya yang komprehensif dibantu pemikiran kritis, peningkatan penggunaan mekanisasi, benih bermutu yang rintang penyakit serta berdaya tahan tinggi daripada kesan perubahan iklim serta amalan agronomik mapan, dapat mengubah

landskap sektor agromakanan negara dalam tempoh lima hingga 10 tahun akan datang.

Yang pasti, teknologi strategi utama, mengurangkan keberagantungan kepada buruh asing serta meningkatkan minat belia dan rakyat tempatan untuk menyertai sektor ini sebagai pengeluar dan usahawan.

Namun, kemodenan dirancang tidak akan berjaya jika masih terdapat sikap dan pemikiran negatif individu, komuniti, organisasi atau pihak berkepentingan terhadap pertanian itu sendiri.

Data terkini menyatakan 37 peratus pekerja dalam industri pertanian adalah tenaga kerja asing. Selain itu, keajah pertanian secara konvensional dan kurang penggunaan mekanisasi dan automasi, perlu diberi perhatian supaya sektor pertanian kita tidak 'dijajah' buruh asing yang masih mampu melaksanakan kaedah konvensional.

Masyarakat setempat yang sudah berumur pula tidak berupaya menjalankan pertanian konvensional ditambah pula tiada minat kalangan belia untuk mengambil tempat dalam sektor pertanian.

Beberapa cadangan bagi menarik minat belia dan masyarakat setempat untuk menceburi bidang

pertanian seperti berikut:

- Memperkasakan *farmers field school* (FFS) ke semua peringkat penanaman.
- Pemberian insiatif dan sistem subsidi ber-sasar.
- Mewujudkan pengeluaran pertanian secara kelompok.

- Membangunkan peranti dan aplikasi lebih sistematik untuk dijadikan rujukan petani, pesawah dan peladang.
- Penggunaan teknologi digital menerusi pertanian pintar, kecapan serta produktiviti sektor ini juga dapat dipertingkatkan.

- Pemberian bantua dan teknologi untuk berkongsi kejayaan serta cabaran dalam melaksanakan pertanian bandar bersama rakan sosial.

Namun beberapa isu perlu diberi perhatian untuk membantu petani, pesawah dan peladang. Isu pertama berkaitan monopoli sektor pertanian khususnya berkaitan benih padi.

Perkara ini perlu diberi perhatian supaya tidak membahayakan pesawah dan monopoli perlu dicairkan agar lebih ramai pihak dapat bersaing secara sihat dan akhirnya dapat memberikan harga kompetitif kepada pesawah.

Kementerian juga perlu menjalankan peranan dan tugas sebagai pendukung dan pemudah cara bagi menggalakan usaha meningkatkan tahap pengeluaran makanan negara dengan menangani cabaran dihadapi ekosistem pertanian negara, seterusnya memperkukuh rantaian bekalan makanan.

Agensi pertanian di bawah kementerian pula perlu memberikan informasi lebih komprehensif kepada usahawan tani khususnya dalam menyebarkan maklumat dan perkhidmatan disediakan mereka.

Antaranya maklumat berkenaan lokasi yang memerlukan barang dibekalkan usahawan tani serta maklumat lain yang boleh digunakan usahawan tani untuk membantu meningkatkan penjualan produk pertanian dan seterusnya mengembangkan perniagaan masing-masing.

Kerajaan juga perlu berterusan menyokong petani, nelayan dan penterian dengan menyediakan dana bersesuaian.



Pergiat usaha dan memanfaatkan teknologi digital untuk pastikan rantaian makanan terus berkembang. (foto hasnan)



Residents (from left) Zainal Aznam, Leong and Au Yong at the Sunway SPK Damansara community garden. The water used for the vegetable beds is from an overland rainwater harvester system built by Leong.



Choo and his wife Doris spend time working together at the community garden.



Burhanuddin says more people are taking up gardening as a way to pass the time.

The Sunway SPK Damansara community is hoping to successfully cultivate flowers for the residential area's landscaping programme. Monitoring the progress are Yuan (left) and retired civil engineer Leong.



Seedlings in hydroponic pots at KK4 Precinct 14 Community Garden in Putrajaya. Visitors are encouraged to take them home so they can start their own edible garden.



Muhammad Idriz trying his hand at growing his own vegetables at home.

By GRACE CHEN
gracechen@thestar.com.my

COMMUNITY gardens play a special role in fostering closer ties among residents.

Being able to share the fruits of their labour with other needy residents as well as agricultural knowledge has helped community gardeners foster camaraderie and develop a sense of purpose, which has become especially useful during the Covid-19 pandemic period.

An earthworm farmer by profession, Ting Teck Loong never had much time for ornamental plants until the movement control order kicked in in March 2020 and he had to put all his work projects on hold.

With time on his hands and anxiety of an uncertain future weighing on his mind, the 46-year-old sought solace in his *monstera deliciosa* and *coleus atis*, the sale of which now provides him with an alternative source of income.

"Eventually I had 5,000 ornamental garden plants. They took up every inch of my home garden, and I had to park my car outside," said the father of one.

The Taman Putra resident's efforts did not go unnoticed.

About two months ago, Ting received a call from Ampang Jaya Municipal Council (MPA) councillor Chua Yew Chong to help develop the ornamental plant section at the Teratal Hijau Harmony community garden in Taman Putra, Ampang in Selangor.

It would be a nice addition to the existing vegetable patch for residents as well as a platform to showcase the efficacy of Ting's earthworm castings which he used to fertilise his plants, said Chua.

Not only did Ting successfully fill up several beds with various ornamental plant species, he also helped the community garden chief Choo Yew Kee, 74, and his wife Doris Lee, 70, as well as another resident to set up water sprinklers and storm protection systems for their vegetables using PVC pipe frames and mesh cover.

Like Ting, tending to the Teratal Hijau Harmony community garden has helped Choo and Lee pass time productively during the lockdowns.

"My husband and I have grown even closer working in the garden. Planning for crops has given us a sense of purpose and kept us active," admitted Lee.

"When land-clearing work started in July last year, people said the programme would never get off the ground," said Choo.

A former dumping site for construction debris, the place was riddled with rocks and concrete blocks.

Choo said 16 large bins of construction debris had to be carted away.

Now that the beds are lush with vegetables and ornamental plants, naysayers are beginning to look at the garden differently.

Though it is a non-profit entity, visitors can buy fresh vegetables and plants.

In a month, the 17 beds can generate up to RM2,500 in sales. Together with funds collected by members, the money goes towards sustaining the community garden.

"We don't take money from everyone. We use discretion. Senior citizens and the needy don't have to pay," said Choo.

Aside from Ting, 11 other residents help Choo and Lee with the community garden.

An MPAJ project in the LA 21 programme, the two-year-old community garden has so far received RM20,000 from Chua's yearly budget allocation of RM75,000 for set up, machinery and fertiliser.

Since the first planting of vegetables in July last year, 30 houses in

Sowing a bounty

Community gardens help isolation blues and...



Taman Putra have received free vegetables from the 0.2ha L-shaped plot surrounding Taman Putra Community Hall throughout the MCO.

Free seeds and mulberry trees

Over at the Sunway SPK Damansara community garden in Segambut, Kuala Lumpur, free seeds and plant seedlings are being given out to residents to encourage cultivation of edible gardens at home.

Sunway SPK Damansara Residents Association vice-chairman Yuan Loh Soon, 69, said that over the community's social media group of 200 followers in June, 10 residents have come forward to take up the offer.

"One of our recipients is nine-year-old Muhammad Idriz Ahmad Fairuz, who was given some mustard leaf seeds two weeks ago.

Muhammad Idriz's mother Zarah Mokhlis, 43, had requested the seeds so that he would be kept busy," said Yuan.

When met, the young lad readily admitted that his patience was being tested as the full results would only be apparent in another two weeks, though small sprouts could be seen in his planter boxes.

Provided the seeds do not end up being eaten by birds or the sprouts get washed away during the rainy season, Yuan is confident once Muhammad Idriz can harvest his own vegetables, the enthusiasm will kick in.

A good example can be found in former accountant Howa Oon, 68, and retired civil engineer Leong Meng Chow, 66, both active members of the Sunway SPK Damansara community garden project.

Their home plots of ladies' fingers, tapioca leaves, yams, curry leaves, chillies and limes were the result of effort and patience, with their endeavours starting well before the MCO.

Leong and Zainal Aznam Mohd Jelani, 70, a retired Universiti Putra Malaysia professor of animal nutrition, are putting their knowledge to use at the community garden.

Zainal has planted 130 mulberry

1 seeds for tiful future

ens helping Malaysians combat
d save on grocery costs



Ting showing his ornamental plants which he successfully cultivated at the Teratai Hijau Harmony community garden. — Photos: S.S. KANESAN, AZMAN GHANI, LOW LAY PHON/The Star



Au Yong's crickets from his farm. Mulberry leaves from the community garden are used as feed for the insects, which are in turn used as fish feed for the new tilapia project at the garden.

rees in the community garden's hilly terrain and the leaves, in addition to being used by residents for tea, are used as cricket feed at fellow resident Au Yong Soon Kok's farm.

The 60-year-old farmer, who was exporting his cricket frass to the international market, said his business was affected when the Covid-19 pandemic resulted in port lockdowns and disruptions in the container shipping industry.

Au Yong's crickets are now being fed to tilapia fish at the community garden. The tank is filled with an overhead rainwater harvesting system built by Leong.

The fish project is only three months old, but residents are already looking forward to harvest once the fish are big enough.

As for the mulberries, Yuan has plans to turn them into jam.

A place for wholesome activities

As interstate travel bans continue to remain in place, more people are taking up gardening as a way to pass time, observed Burhanuddin. Gold Chazali who is chairman of Q4 Precinct 14 Community Garden in Puchajaya.

This community garden is one of 11 urban farms in the administrative capital under the national local Agenda 21 programme. Located beside a five-block apart-

ment estimated to house 750 units, Burhanuddin said the 35 members tending to the community garden were mostly civil servants.

"They still have their jobs, but many are experiencing work pressure."

"So they are turning to the therapeutic benefits of gardening to de-stress."

"The satisfaction of seeing the herbs and vegetables one has cultivated grow, is something one has to experience to know how it feels."

"The feedback I have from them is that gardening is like a sport too. It can be a wholesome family activity," he said.

To sustain the garden, members derive proceeds from the sale of surplus seedlings, soil and fertiliser. Most of it is sold to the community at below market prices.

"A daily price check with the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) is done for spinach, bok choy, mustard leaves, lettuce, cherry tomatoes, turmeric, torch ginger, pandan, English parsley, lemongrass and coriander because these are grown in our garden. They are sold below the Fama listed prices," said Burhanuddin.

To encourage more residents to cultivate edible gardens, members have come up with a solution — hydroponics.

"Our hydroponics have built-in water level indicator that tells when a plant needs watering. It's good for beginners," he said, adding that hydroponic planting and fertigation method was widely practised at the Precinct 14 community garden.

Another reason that should motivate more to invest their time in home edible gardens was the cost savings factor, noted Burhanuddin.

"From feedback, members and some residents who started as early as 2018 say they can save as much as 50% in grocery bills. Sure, it may cost as much as RM150 to invest in a home hydroponic planting system but bear in mind that one can get as many as 40 plants from just one system."

"We have gardeners in our group who tell us that they no longer need to buy vegetables daily," he said.

FEDERAL TERRITORIES

Tay says their books are intended for children of any age who need English literacy intervention.



Lim says with the pandemic, virtual counselling ensures safety of both counsellors and clients.

Groups engage with the vulnerable via digital means

By AIDA AHMAD
aidaahmad@thestar.com.my

LOCAL online community support has grown by leaps and bounds in the past two years due to the Covid-19 pandemic.

Community leaders have adopted new ways of working and have improvised their daily operations to continue helping vulnerable members of society.

The Star speaks to two groups in the fields of mental health and education on how they have embraced online platforms to reach out to people.

Counselling during Covid-19

The prolonged isolation and worry over various issues as a result of the pandemic and subsequent movement restrictions have put many people under stress.

But with traditional face-to-face counselling proving difficult, some groups began offering online or remote counselling.

One such group is Partners in Counselling (PiC), a non-governmental organisation (NGO) founded by a group of counsellors-in-training comprising Master of Counselling students from Open University Malaysia.

It was formed in February last year as a way for students to fulfil their practicum hours due to limited access to resources and relevant activities.

PiC, with about 30 active members in the group, provides pro-bono services via counsellors-in-training and connects those in need with professional help, including licensed counsellors and therapists.

"People are stressed out over the prolonged movement control order, so at the moment online counselling is the only way for people to seek therapy," said Lim Wei Wen who is PiC vice-president and one of its founders.

She said virtual counselling was the mode of choice to ensure the safety of both counsellors and clients.

Lim said some of the challenges the clients faced were difficulties adapting to changes such as jobs, lifestyle and day-to-day shifts in behaviour brought on by the pandemic, and coping strategies.

"We can help clients adapt and accept those stressful changes they are going through," she explained.

She said the clients' stressors and coping strategies evolved into three phases since the start of the pandemic last year.

"The first phase was dealing with job loss and lifestyle changes, where those who could no longer pay rent on their homes, for example, had to move in with their elderly parents.



A child uses a phone to access MYReaders reading resources.

"In the second phase during the recovery movement control order last year, we noticed clients were depressed, anxious and frustrated because the previous coping strategies no longer worked.

"Phase three is grieving clients, as in those who lost loved ones to Covid-19, where they had to adopt new coping strategies to deal with death," said Lim, 33.

PiC continues to provide free online counselling, with appointments being made via <https://sites.google.com/view/partnersincounselling/counselling>

Journey of young readers

In 2015, four school teachers came together with one vision in mind — to ensure that every child in Malaysia will one day be able to read and write in English.

To meet this goal, they formed MYReaders.

Accredited as a social enterprise by Entrepreneur Development and Cooperative Ministry and the Malaysian Global Innovation & Creative Centre (MaGIC) in 2020, MYReaders' mission is to empower children through communities by providing free structured and sustainable reading programmes.

MYReaders was founded by four Teach For Malaysia fellows who were teaching in high-needs secondary schools.

"During our time in school, we realised that our students could not read basic English sentences and were unable to follow lessons in class.

"Three of my colleagues and I decided together to create our own literacy toolkit based on the Malaysian context, and build it into a structured reading programme," MYReaders co-founder and executive director Tay Sue Yen told The Star.

MYReaders books are intended for children of any age who need English literacy intervention via the recommended one-on-one or small group teaching approach.

"We have two models. The first

our school mentor-mentee programme model, but since the Covid-19 pandemic last year we have been using Google Classroom for a parent-led model where the parents read with their child.

"Our Community Model is where we pair volunteers with students, one-to-one."

"We used to conduct this face-to-face but since physical classes are not possible at the moment, we now conduct reading sessions through WhatsApp.

"We use WhatsApp because it is a familiar tool for families from all backgrounds and it can run on a basic smartphone with minimal data."

"We pivoted to online learning since March last year, and we are currently rolling out new programmes to recruit more organisations to run our community model programme," added Tay.

The MYReaders Literacy Toolkit books are written in a structured manner to help children build up their foundation in phonics, and in the Malaysian context so they can relate to what they read.

MYReaders has recently also introduced LitHubX, a community-based literacy programme that provides reading diagnostics, structured resources and support for children to learn and read in English.

Each child will be assessed and guided one-on-one by volunteers and using self-paced modules with parental guidance.

"With LitHubX, we are looking to scale our impact across Malaysia to reach 200 children in the B40 group by June 2022, supported by a MaGIC Social Impact Matching grant," said Tay.

So far, MYReaders has impacted more than 31,647 children, 92 parents, 777 teachers and 780 volunteers.

Those who wish to be part of the MYReaders volunteer community or fund their programmes, donate or buy their books, can visit www.myreaders.org.my/ or email team@myreaders.org.my